

12 NOV 1997

Lesen-Bayaran (Bergambar)

TAMBAH RM10 UNTUK LANJUTKAN TEMPOH LESEN MEMANDU

KOTA BAHARU, 12 Nov (Bernama) -- Kementerian Pengangkutan meminta orang ramai supaya tidak menuntut baki bayaran lesen memandu yang dikurangkan baru-baru ini sebaliknya menambah RM10 lagi bagi membolehkan tempoh lesen itu dilanjutkan selama dua tahun.

Timbalan Menteri Pengangkutan Datuk Wira Mohd Ali Rustam berkata, langkah itu lebih mudah daripada mereka menuntut baki berkenaan yang pembayarannya mengambil masa yang agak lama.

Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) tidak boleh membayar balik baki berkenaan serta merta kerana ia perlu mematuhi prosedur Perbendaharaan kerana wang yang dibayar kepada JPJ telah dimasukkan ke dalam akaun kerajaan, katanya kepada pemberita selepas merasmikan Hari Terbuka JPJ Kelantan di sini hari ini.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan kenaikan bayaran lesen memandu daripada RM20 kepada RM50 setahun ketika membentangkan Belanjawan 1998 bulan lepas tetapi ramai yang menganggap kadar itu terlalu tinggi dan merayu agar ia dikurangkan.

Berikutan itu Anwar ketika menggulung perbahasan Belanjawan 1998 itu di Dewan Rakyat baru-baru ini, mengumumkan pengurangan kadar itu daripada RM50 kepada RM30. Mereka yang terbabit boleh menuntut baki berkenaan di JPJ.

Mohd Ali berkata sejak pengumuman kenaikan lesen memandu itu, 80,000 orang telah membayar dengan kadar RM50 yang membabitkan jumlah kutipan RM4 juta. Ekoran pengurangan kadar itu, JPJ kini perlu mengembalikan RM1.6 juta kepada orang ramai.

Katanya JPJ sedang berusaha agar proses penambahan RM10 dan lanjutan tempoh untuk dua tahun itu dapat dijalankan dengan sempurna tanpa menyusahkan orang ramai.

"Sekiranya orang ramai mahu menambah RM10, kemungkinan mereka hanya perlu mengisi borang baru dalam masa yang singkat berbanding proses untuk menuntut kembali baki," katanya.

Namun demikian, JPJ tetap berusaha untuk membayar balik baki yang dipohon oleh orang ramai, katanya.

Mohd Ali yang juga Presiden Gerakan Belia 4B Malaysia meminta kerajaan mendapatkan terlebih dahulu pengesahan dari Amerika Syarikat, bahawa mereka akan menyiasat semua syarikat termasuk dari Rusia dan Perancis yang berdagang dengan Iran, sebelum menyiasat Petronas.

"Pada hakikatnya kami tidak bersetuju sama sekali jika penyiasatan itu hanya dibuat ke atas Petronas sahaja, mereka kena siasat syarikat dari Perancis dan Rusia," katanya.

Beliau berkata Gerakan Belia 4B berpendapat Amerika Syarikat tidak perlu menjalankan siasatan terhadap Petronas kerana syarikat itu berhak untuk mengurus niaga dengan mana-mana pihak yang mereka mahu.

Bagaimanapun beliau akur dengan kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa kerajaan tidak akan menghalang pegawai Amerika Syarikat datang ke Malaysia untuk menyiasat Petronas.

Petronas bersama Total SA dari Perancis dan Gazprom dari Rusia terlibat dalam usaha sama bernilai AS\$2 bilion untuk membangunkan sebahagian kawasan medan gas di Iran.

Amerika menganggap urusan niaga seperti ini bercanggah dengan satu undang-undangnya. -- BERNAMA

BD MAI